



STATISTIK SEKTOR INFORMAL DAN PEKERJAAN INFORMAL, 2023

PEKERJAAN INFORMAL

Pada 2023, **pekerjaan informal** termasuk pertanian adalah sebanyak **3.45 juta** orang, meliputi 21.8 peratus daripada jumlah guna tenaga di Malaysia




Pekerjaan informal terdiri daripada:

- Bekerja sendiri dan majikan yang bekerja di pertubuhan sektor informal miliknya sendiri.
- Pekerja keluarga tanpa gaji dalam sektor formal dan informal.
- Pekerja di dalam kesemua sektor pengeluaran (sektor formal, sektor informal & isi rumah) yang tidak mempunyai kontrak penggajian serta tidak menerima sumbangan KWSP atau PERKESO atau cuti tahunan bergaji atau cuti sakit bergaji atau cuti bersalin bergaji atau perlindungan kesihatan daripada majikan.

GUNA TENAGA DALAM SEKTOR INFORMAL

Guna tenaga dalam sektor informal termasuk pertanian pada 2023 merekodkan **1.83 juta** orang, merangkumi 11.6 peratus daripada jumlah guna tenaga di Malaysia




Sektor informal terdiri daripada:

- Semua atau sekurang-kurangnya satu barangan atau perkhidmatan yang dikeluarkan adalah untuk jualan atau transaksi barter.
- Pertubuhan tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau mana-mana badan profesional termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- Saiz pekerja kurang daripada 10 orang dan tidak didaftarkan di bawah perundangan yang ditetapkan.

Sumber: Laporan Survei Sektor Informal dan Pekerjaan Informal, 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Pekerjaan Informal dan Guna Tenaga Dalam Sektor Informal, 2017-2023



Pekerjaan informal Malaysia pada tahun 2023 mencecah seramai 3.45 juta orang, merangkumi 21.8 peratus daripada jumlah guna tenaga negara

Pekerjaan Informal

- Pada 2023, jumlah pekerjaan informal termasuk pertanian adalah sebanyak **3.45 juta orang**. Ia merangkumi **53.2 peratus** (1.83 juta orang) dalam **sektor informal**, diikuti oleh **sektor formal** dengan **46.1 peratus** (1.59 juta orang) dan **isi rumah** dengan **0.7 peratus** (24.2 ribu orang).
- Sekiranya tidak termasuk sektor pertanian, bilangan pekerjaan informal adalah **2.84 juta orang**. Pada tahun tersebut, sektor formal mendominasi pekerjaan informal dengan **1.48 juta orang (51.9%)** dan diikuti oleh sektor informal (47.2%) dengan **1.34 juta orang**.

Guna Tenaga Dalam Sektor Informal

- Guna tenaga dalam sektor informal termasuk pertanian pada 2023 merekodkan **1.83 juta orang**, merangkumi **11.6 peratus** daripada jumlah guna tenaga di Malaysia.
- Manakala, guna tenaga dalam sektor informal bukan pertanian menunjukkan **1.34 juta orang** bekerja, merangkumi **9.3 peratus** daripada jumlah guna tenaga di Malaysia.

